

## MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: ( ) dlm. JK/MP 38 Jld. 5

Tarikh: 24 Disember 2008

### ARAHAN AMALAN BIL. 6/2008

#### PANDUAN PEMFAILAN DERAF PERINTAH DAN PERINTAH BERSIH DALAM PROSIDING RAYUAN DAN PERMOHONAN SIVIL DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara mengarahkan bahawa bagi tujuan mempercepatkan urusan pengeluaran deraf perintah dan perintah bersih bagi kes-kes dalam prosiding Rayuan dan Permohonan Sivil di Mahkamah Persekutuan, amalan berikut hendaklah diikuti :

- (a) Peguam hendaklah **menyerahkan 1 (satu) salinan** deraf perintah beserta dengan surat iringan dalam masa tidak lewat dari **7 (tujuh) hari** dari tarikh luput pengesahan persetujuan dari kedua-dua belah pihak.
- (b) Deraf perintah **MESTILAH** mengikut format contoh sepertimana didalam Lampiran A.
- (c) Mana-mana deraf perintah yang tidak mengikut format contoh yang dinyatakan akan dikembalikan **TANPA DIPERBETULKAN** oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan.
- (d) Pihak-pihak adalah bertanggungjawab untuk memastikan nama Korum Panel Mahkamah Persekutuan adalah betul mengikut contoh di dalam Lampiran B dan nama peguam yang hadir serta rujukan kepada afidavit yang berkenaan adalah teratur kerana Pejabat Pendaftaran **TIDAK AKAN MEMBETULKANNYA** bagi pihak peguam tetapi akan mengembalikannya semula kepada peguam.
- (e) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan hanya akan mengesahkan isi kandungan keputusan/perintah yang dikeluarkan.
- (f) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan akan mengeluarkan surat pengesahan penerimaan deraf perintah tersebut dan akan difakskan kepada peguam sebaik sahaja deraf diterima.
- (g) Deraf perintah **akan diluluskan** selewat-lewatnya **7 (tujuh) hari** dari tarikh ia diterima.

- (h) Sekiranya deraf perintah masih belum diterima dalam tempoh tersebut, peguam bolehlah terus berhubung dengan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk penjelasan.
- (i) Salinan perintah bersih hendaklah difailkan oleh peguam dalam masa **7 (tujuh)** hari dari tarikh deraf yang diluluskan diterima dan perintah bersih akan dimeterai dan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan dalam masa **3 (tiga)** hari selepas bayaran dijelaskan.
- (j) Salinan yang diakui sah hanya akan disahkan dari **salinan asal perintah bersih yang telah dimeterai** dan perlu dikemukakan sendiri oleh pihak-pihak setelah bayaran dibuat.
- (k) Kegagalan pihak-pihak untuk mengikuti tempoh masa di atas berkemungkinan akan menyumbang kepada kelewatan deraf perintah diproses.
- (l) Bagi deraf yang dikembalikan tanpa diluluskan kepada peguam untuk pindaan, hendaklah dikembalikan semula dalam masa **3 (tiga)** hari dari tarikh penerimaan dan perkiraan tempoh masa seterusnya adalah dari tarikh deraf yang dipinda diterima semula oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan.
- (m) Arahan amalan ini hanya terpakai kepada perintah yang akan dikeluarkan oleh Mahkamah Persekutuan mulai **1 Januari 2009** dan bagi deraf perintah yang difailkan sebelum tarikh tersebut akan melalui proses yang biasa.

Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2009**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah

**(DATUK HALIJAH BINTI ABBAS)**

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

**PUTRAJAYA**

**Kepada :**

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Jabatan Peguam Negara  
Parcel C, Blok C3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Putrajaya

Presiden  
Majlis Peguam  
No. 5, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur

Sabah Law Association  
WDT 414  
88904 Kota Kinabalu  
Sabah

Advocates Association of Sarawak  
c/o Mahkamah Tinggi Kuching  
Jalan Gersik  
Petrajaya  
93050 Kuching

**Salinan kepada :**

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
Jalan Gersik  
Petrajaya  
93050 Kuching

Y.A-Y.A Hakim  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching

Perpustakawan  
Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**DERAF**

FORMAT UNTUK PERMOHONAN SIVIL

(Tajuk mengikut Notis Usul yang mana perintah diperolehi)

atau

**DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA BERSIDANG DI PUTRAJAYA**

**(BIDANG KUASA RAYUAN)**

**PERMOHONAN SIVIL NO. ( )- -200 ( )**

ANTARA

..... ..PEMOHON

DAN

..... ..RESPONDEN

Dalam perkara Rayuan Sivil No. W. ...-.....-200...

dalam Mahkamah Rayuan Malaysia

ANTARA

..... ..PERAYU

DAN

..... ..RESPONDEN

**KORAM:**

\*Sila rujuk Lampiran B

**DALAM MAHKAMAH TERBUKA**

**PADA HARIBULAN 200**

**PERINTAH**

**ATAS USUL** yang dihadapkan ke dalam Mahkamah pada hari ini oleh Encik ..... Peguamcara bagi pihak Pemohon dan Encik ..... Peguamcara bagi pihak Responden **DAN SETELAH MEMBACA** Notis Usul yang difailkan pada .. haribulan ... 200., Afidavit Sokongan ..... yang diikrarkan pada ... haribulan ... 200... (*nyatakan semua afidavit-afidavit yang berkenaan yang telah difailkan bagi tujuan notis usul ini*) yang kesemuanya difailkan di sini **DAN SETELAH MENDENGAR** hujah dari pihak-pihak yang tersebut diatas **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. ...(*Mengikut yang diperintahkan sepertimana di dalam Notis Usul*)
2. ...
3. ...

**DIBERI** dibawah tandatangan saya dan Meterai Mahkamah pada ... haribulan .... 200...

*Nota: Pastikan di mukasurat tanda tangan ini tercatat sebahagian dari isi perintah.*

.....  
**TIMBALAN PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

Perintah ini difailkan oleh Tetuan....bagi pihak....yang beralamat di....No faks:...No Tel:...No rujukan:...

FORMAT UNTUK RAYUAN

(Tajuk mengikut Rayuan Sivul yang mana perintah diperolehi)

atau

**DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA BERSIDANG DI PUTRAJAYA**

**(BIDANG KUASA RAYUAN)**

**RAYUAN SIVIL NO. ( )- -200 ( )**

ANTARA

..... ..PERAYU

DAN

..... ..RESPONDEN

Dalam perkara Rayuan Sivul No. W. ...-.....-200...

dalam Mahkamah Rayuan Malaysia

ANTARA

..... ..PERAYU

DAN

..... ..RESPONDEN

**KORAM:**

\*Sila rujuk Lampiran B

**DALAM MAHKAMAH TERBUKA**

**PADA HARIBULAN 200**

**PERINTAH**

*(jika rayuan ditangguhkan setelah bicara ke tarikh lain untuk keputusan)*

**RAYUAN INI** yang dibawa ke hadapan untuk perbicaraan pada *(nyatakan tarikh bicara)* dalam kehadiran Encik ..... Peguamcara bagi pihak Perayu dan Encik ..... Peguamcara bagi pihak Responden **DAN SETELAH MEMBACA** Rekod Rayuan yang difailkan disini **DAN SETELAH MENDENGAR** hujah dari pihak-pihak yang tersebut diatas **DAN SETELAH** rayuan ini ditangguhkan dan dipanggil semula pada hari ini untuk keputusan dalam kehadiran pihak-pihak yang sama *(atau nyatakan nama pihak yang hadir)* **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. ...*(Mengikut yang diperintahkan sepertimana di dalam Penghakiman/Notis Rayuan)*
2. ...
3. ...

**DIBERI** dibawah tandatangan saya dan Meterai Mahkamah pada ... haribulan .... 200...

*Nota: Pastikan di mukasurat tanda tangan ini tercatat sebahagian dari isi perintah.*

.....  
**TIMBALAN PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

Perintah ini difailkan oleh Tetuan....bagi pihak....yang beralamat di....No faks:...No Tel:...No rujukan:...

\*\*\*\*\*

**PERINTAH**

*(jika rayuan diputuskan pada tarikh yang sama)*

**RAYUAN INI** yang dibawa ke hadapan untuk perbicaraan pada hari ini dalam kehadiran Encik ..... Peguamcara bagi pihak Perayu dan Encik ..... Peguamcara bagi pihak Responden **DAN SETELAH MEMBACA** Rekod Rayuan yang difailkan disini **DAN SETELAH MENDENGAR** hujah dari pihak-pihak yang tersebut diatas **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

\*\*\*\*\*

FORMAT NAMA-NAMA PANEL HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
(Setakat 24 Disember 2008)

**KORUM:**

**YANG AMAT ARIF TAN SRI DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI,  
KETUA HAKIM NEGARA.**

**YANG AMAT ARIF TAN SRI DATO' SERI ALAUDDIN BIN DATO' MOHD SHERIFF,  
PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN.**

**YANG AMAT ARIF DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA,  
HAKIM BESAR MALAYA.**

**YANG AMAT ARIF TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM,  
HAKIM BESAR SABAH DAN SARAWAK.**

**YANG ARIF DATO' BENTARA ISTANA DATO' NIK HASHIM BIN NIK AB.  
RAHMAN, HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN.**

**YANG ARIF DATO' SRI AUGUSTINE PAUL,  
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN.**

**YANG ARIF DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD,  
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN.**

**YANG ARIF DATO' HASHIM BIN DATO' HAJI YUSOFF,  
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN.**

**YANG ARIF DATO' ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN,  
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN.**